PENULISAN BULETIN





DEFINISI BULETIN

- Media cetak dan digital berupa majalah, menyiarkan berita ringkas dan artikel pendek yang diterbitkan secara berkala oleh sesebuah organisasi.
- Bertujuan untuk menyampaikan berita mengenai peristiwa dan aktiviti tertentu, atau untuk menyebarluaskan idea, maklumat dan gagasan tertentu sesebuah organisasi.
- Juga berperanan sebagai media penyebar motivasi, inspirasi dan semangat untuk melakukan hal positif.



TUJUAN BULETIN

- Menyampaikan berita.
- Berkongsi idea dan maklumat.
- Menyalurkan kreativiti.
- Hadiah korporat organisasi.
- Bahan bacaan pelanggan atau masyarakat umum.
- Dokumentasi organisasi.



CIRI-CIRI BULETIN

- Dibuat oleh sebuah organisasi, persatuan atau pertubuhan tertentu.
- Kandungannya memuatkan suatu organisasi/lembaga/yayasan tersebut.
- Setiap edisi memiliki tema yang berbeza.
- Fokus pada bidang tertentu.
- Terbitan berkala - mingguan atau bulanan.
- Bertema.
- Berupa majalah yang singkat dan ringkas.
- Ukurannya sama ada A4 dan ada juga yang berukuran A5.
- Ditujukan kepada khalayak yang lebih sempit yang berkaitan dengan bidang tertentu.
- Tulisan dalam buletin umumnya singkat dan padat, menggunakan bahasa yang formal dan banyak istilah teknikal berkaitan dengan bidang tersebut.
- Reka bentuk, reka letak dan ilustrasi dalam buletin umumnya formal.
- Biasanya memuatkan tulisan/artikel ilmiah.
- Juga memuatkan berita yang berkaitan dengan kegiatan organisasi yang menerbitkan buletin itu.



PENULISAN BULETIN

Buletin ditujukan kepada khalayak yang lebih sempit, yang berkaitan dengan bidang tertentu saja.

Tulisan dalam buletin umumnya singkat dan padat “mirip berita”, menggunakan bahasa yang formal dan istilah teknikal berkaitan dengan bidang tersebut.



PENULISAN BULETIN

- Membuat perancangan buletin
- Menyediakan proposal:
  - Tujuan, visi dan misi buletin.
  - Jumlah anggota sidang redaksi buletin
  - Berapa jumlah rubrik
  - Berapa jumlah halaman
  - Apa tema yang diangkat (dalam 10 edisi pertama)
  - Terbitan mingguan, bulanan
  - Bentuk/gaya persembahan buletin.



PENULISAN BULETIN

Penulisan berita:

1. Fakta dan maklumat tentang sesuatu aktiviti, peristiwa, kejadian dan sebagainya.
2. Penulisan yang menjawab apa, siapa, bila, di mana, mengapa dan bagaimana.
3. Isi berita yang paling penting didahulukan manakala isi berita kurang penting dikemudiankan.
4. Guna bahasa yang mudah dan tepat. Elak guna ayat yang panjang dan meleret-leret.
5. Maklumat untuk penulisan berita diperoleh berdasarkan pembacaan, pemerhatian dan wawancara.

Ruangan Sidang Redaksi/Sidang Editor

Ruangan Alamat Buletin

Ruangan Fokus Utama

4 FOKUS

KONVENSYEN JPP: PELUANG WAKIL KOMUNITI BERINTERAKSI DAN ERAT KERJASAMA DENGAN KPKT

Konvensyen Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bertemakan Pemangkin Kesejahteraan Rakyat telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman bin Dahlan (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 26 Mac 2016 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor.

Ruangan Tetap

PROJEK RINTIS HEALTHY CITY BANDAR KLUANG

Projek Perintis Healthy City dan Publisiti Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan, Bandar Sihat dan Bandar Selamat di Bandar Kluang, Johor telah dilancarkan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri

MNKT PERTIMBANG 5 KERTAS DARI KPKT

Ruangan sampingan

DIARI AKTIVITI

08 JAN Tinjauan YB Menteri ke Pusat Kecemerlangan Kesejahteraan Bandar (CoE)

09 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Balai Bomba dan Penyelamat Pulau Pangkor, Perak

09 JAN Lawatan Kerja YBhg. Ketua Setiausaha ke Insinerator Pulau Pangkor, Perak

Kreativiti menjana pendapatan: bantu pelajar tangani isu kos sara hidup di Universiti

Profesor Madya Dr. Haryati Shafii,
Jabatan Pengurusan Pembinaan,
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Ruangan Kolumnis

Peningkatan kos sara hidup yang dialami oleh rakyat turut dialami oleh sebahagian besar pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Catu makanan, berpuasa, makan mee segera dan skip waktu makan merupakan kaedah yang digunakan oleh pelajar bagi mengurangkan atau sebagai penyelesaian bagi mengatasi masalah kewangan.

Kebanyakan pelajar yang dilaporkan mengalami masalah ini adalah berasal dari kumpulan keluarga B40. Kemelut kepada pemasalahan ini telah menyebabkan pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh pihak universiti bagi mengurangkan bebanan kewangan pelajar.

Prihatin akan permasalahan ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memperkenalkan beberapa program bagi membantu pelajar kurang bernasib baik. Antaranya seperti program bantuan zakat, Tabung Wang Ehsan (TWE), Tabung Kebajikan Pelajar, Skim Pelajar Bekerja, pemberian roti dan pisang, sumbangan makanan percuma dan program "Sabil Al-Hikmah" yang melibatkan pemberian makanan percuma harian. Insiatif ini ternyata berjaya mengurangkan serba sedikit masalah kewangan pelajar dalam mendapatkan makanan.

Walaubagaimanapun, insiatif ini adalah bersifat "pasif" kerana satu pihak memberi dan satu pihak yang menerima. Apa yang boleh disarankan adalah supaya para pelajar ini mampu berdikari dalam erti kata yang lain mampu survive kehidupan mereka di kampus walaupun tanpa bantuan makanan daripada pihak universiti.

Kreativiti Menjana Pendapatan

Langkah yang dijalankan oleh UTHM wajar diberi sokongan memandangkan penglibatan pelajar dalam perniagaan semakin meningkat setiap tahun. Asas keusahawanan yang diterapkan sejak dari awal mampu mendedahkan pelajar "deal" dengan "client," pengurusan kewangan: untung-rugi, pengalaman berniaga dan jaringan keusahawanan. Pelbagai jenis perniagaan yang diusahakan oleh para pelajar antaranya makanan untuk sarapan pagi dan makan tengahari seperti nasi lemak, bihun dan mee goreng dan roti sandwich, minuman dan makanan ringan, kraftangan, pakaian dan barangan kosmetik. Walaupun usaha ini dijalankan secara kecil-kecilan, namun mereka mampu menjana income dan dalam masa yang sama dapat membantu rakan mereka dengan menawarkan kerja "Part time" seperti membekalkan produk makanan dan menjaga kios yang biasanya dibayar upah mengikut jam.

Persekitaran Yang Menyokong Kepada Kreativiti Pelajar

Langkah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) membantu para pelajar dalam menjana income seharusnya dicontohi oleh universiti yang lain. Fakulti ini telah menyediakan satu ruang khusus bagi memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk berniaga. Kafetaria yang terletak di aras satu bangunan FPTP ini, bukan sahaja memperlihatkan kreativiti pelajar untuk berniaga, bahkan fakulti ini turut menyediakan kerusi, meja dan sudut perbincangan. Dilengkapi dengan kemudahan penghawa dingin, dekorasi yang menarik, serta disediakan penapis air dan makanan percuma yang disumbangkan oleh para pensyarah fakulti. Kafetaria ini beroperasi setiap

Ruangan Promosi Produk Organisasi

Penerbitan Terkini



AMENG : EPILOG TIRAI KEINSAFAN
Penulis:
Wan Aminuddin Wan Ismail

INTRODUCTION TO QUALITY MANAGEMENT
Penulis:
Sulaiman Hj. Hasan, Sivaprakasam Thamizhmanii, Ibrahim Masood

Ruangan Iklan

Berita ringkas tentang aktiviti organisasi

“Akhbar” Organisasi

Pertanyaan lanjut:

nurjulia@dbp.gov.my

013-3942730

Terima kasih.